

20 OCT 1998

RATU FABIOLA TIBA UNTUK HADIRI MESYUARAT

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Ratu Fabiola, wanita pertama Belgium tiba di sini hari ini untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar Peringkat Antarabangsa (ISC).

Ketibaan wanita pertama itu, yang juga penaung ISC disambut oleh isteri Perdana Menteri, yang juga presiden ISC Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail, di kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Ratu Fabiola diiringi delegasi yang mengandungi 11 anggota.

Mesyuarat tersebut yang bertemakan "Kemiskinan Di Antara Wanita Luar Bandar, Keluarga dan Masyarakat Mereka" akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 22 Okt ini, dan mesyuarat itu dijadualkan berakhir pada 24 Okt ini.

Mesyuarat itu juga akan mengkaji kemajuan perkumpulan itu meningkatkan kemajuan wanita di luar bandar dan untuk memilih presiden baru bagi penggal 1998-2000.

Wanita pertama Senegal dan Nigeria dijangka tiba esok, untuk turut serta bersama kira-kira 150 peserta, termasuk perwakilan dari Maghribi, Mesir, Tonga dan Jordan.

Wanita-wanita pertama tersebut dijadualkan menghadap Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah pada Jumaat ini.

ISC ditubuhkan dalam tahun 1992 di Geneva, dianggotai oleh isteri-isteri para pemimpin dari 16 negara.

-- BERNAMA

WNZ RI